

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 14 TAHUN 1977

PENUKARAN JENIS KEGUNAAN TANAH DALAM KAWASAN RANCANGAN PENYELESAIAN TANAH

MMK yang bersidang pada 4.8.1977 selepas menimbang Kertas Bil 15/703/77/(13) telah membuat satu ketetapan sebagai dasar bahawa Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah, diberi kuasa di bawah Sek 124 KTN untuk meluluskan permohonan-permohonan bagi mengubah jenis kegunaan tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah itu, sama ada kepada jenis bangunan atau jenis perusahaan selaras dengan kuasa-kuasa yang diperturunkan kepadanya menurut Sek 9(2) Ordinan No.51/55 dengan tidak tertakluk lagi kepada had bagaimana dalam Pengedaran PTG Bil 1/1971. Tetapi walau bagaimanapun kelulusan itu adalah tertakluk kepada bayaran premium tambahan bagaimana berikut:-

- (a) Premium tambahan (sebagai denda) atas bangunan kediaman hendaklah dikenakan sebanyak 1% daripada harga bangunan yang telah didirikan dengan melanggar syarat kegunaan tanah. Premium ini dikenakan sebagai ‘tambahan’ kepada ‘premium tambahan biasa’ yang dikenakan sebanyak 1% daripada perbezaan harga tanah mengikut jenis kegunaan sekarang dengan harga tanah jenis kegunaan yang baharu.
- (b) Premium tambahan (sebagai denda) atas bangunan ‘perniagaan’ dan ‘perusahaan’ hendaklah dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan oleh MMK bagaimana dalam Pekeliling PTG Kelantan Bil 7/1976 iaitu tidak lebih dari 10% untuk bangunan perniagaan dan tidak lebih dari 20% untuk bangunan perusahaan. Jika timbul apa-apa tidak puashati dari kalangan tuan tanah yang berkenaan tentang kadar

bayaran premium tambahan (sebagai denda) ini, maka pihaknya bolehlah merayu kepada Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah dan Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah hendaklah mengangkatkan rayuan itu kepada MMK melalui PTG.

2. Kadar bayaran premium bagaimana perenggan 1(a) dan 1(b) di atas hendaklah dipakai juga bagi tanah-tanah yang terletak di luar Rancangan Penyelesaian Tanah. Arahan PTG Bil 5/1977 ada bersabit.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADА:

Semua PHT dan Penolong-Penolong PHT, Kelantan

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

SALINAN KEPADA:

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YB Tuan Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah LKTN Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL: PTG (KN) BIL. 176/(50)

KOTA BHARU: 22HB OGOS 1977